

Rujukan kami : UMP.02.01/10.12/2 JILID 7 (2)
Tarikh : 8 Januari 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 3 TAHUN 2018 MENGENAI GARIS
PANDUAN PELAKSANAAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN
PANGKAT DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 3 Tahun 2018 mengenai Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat Di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Kerjasama tuan/puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

”Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menurut perintah,

(NURUL MARDHIAH BINTI MAHUSIN)

Eksekutif,

Unit Pengurusan Governan,

b.p. : Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

SENARAI EDARAN

Pengurusan Tertinggi

1. **YH. Profesor Dato' Sri Ts. Dr. Daing Mohd Nasir Bin Daing Ibrahim**
Naib Canselor
2. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Bin Mohd Yunus**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YH. Profesor Dato' Dr. Mashitah Binti Mohd. Yusoff**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YH. Profesor Dato' Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **Encik Zainudin Bin Othman**
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan
6. **Tuan Haji Ruslan Bin Che Pee**
Ketua Pustakawan
7. **YBhg. Datin Wan Maizurina Binti Wan Othman**
Penasihat Undang-undang
8. **YH. Profesor Dato' Dr. Ishak Bin Ismail**
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti)
9. **YBhg. Profesor Dr. Jamil Bin Ismail**
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Dekan/ Pengarah / Ketua Jabatan

10. **YBrs. Dr. Mohamad Idris Bin Ali**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam
11. **YBhg. Profesor Ir. Dr. Kamarul Hawari Bin Ghazali**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
12. **YBhg. Profesor Zulkafli Bin Hassan**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli
13. **YBhg. Profesor Dr. Rizalman Bin Mamat**
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
14. **YBrs. Dr. Zamzuri Bin Hamedon**
Menjalankan Tugas-Tugas Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan
15. **YBhg. Profesor Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Dekan
Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian
16. **YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd Hasbi bin Ab Rahim**
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi Industri
17. **YH. Profesor Dato' Dr. Zularisam Bin Ab. Wahid**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
18. **YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd Ridzuan Bin Darun**
Dekan
Fakulti Pengurusan Industri

19. **YH. Profesor Dato' Dr. Hasnah Binti Haron**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah
20. **YBhg. Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Bin Abdul Wahab**
Dekan
Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
21. **YBhg. Profesor Dr. Md. Mustafizur Rahman**
Dekan Penyelidikan (Kejuruteraan)
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
22. **YBhg. Profesor Dr. Jose Rajan**
Dekan Penyelidikan (Teknologi)
Jabatan Penyelidikan dan Inovasi
23. **YBhg. Profesor Madya Dr. Abdul Adam Bin Abdullah**
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif
24. **YBhg. Profesor Madya Dr. Muzamir Bin Hasan**
Pengarah
Pusat Penyelidikan & Pengurusan Sumber Alam
25. **YBrs. Dr. Mohamed Ariff Bin Amedeen**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan IBM
26. **YBhg. Profesor Madya Dr. Jolius Gim bun**
Menjalankan Tugas-Tugas Pengarah
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendaliran Termaju (CARIFF)
27. **YBhg. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Bio Aromatik
28. **YBhg. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim Bin Mohamed**
Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik
29. **YBrs. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**
Pengarah
Pejabat Antarabangsa

30. **Encik Nazarudin Bin Bujang**
Pengarah
Pusat Keusahawanan
31. **YBrs. Dr. Muhamad Bin Mat Noor**
Pengarah
German Academic & Career Centre
32. **YBrs. Dr. Mahyuddin Bin Ismail**
Pengarah
Pusat Islam dan Pembangunan Insan
33. **YBrs. Dr. Mohamed Ariff Bin Amedeen**
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
34. **Encik Marzuki Bin Mokhtar**
Pengarah
Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Harta
35. **Encik Ramle Bin Abid**
Pengarah
Pusat Ko-Kurikulum
36. **YBhg. Profesor Madya Dr. Gaanty Pragas A/L Maniam**
Pengarah
Makmal Berpusat UMP
37. **YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Bin Awang**
Pengarah
Penerbit UMP
38. **YBrs. Dr. Adzhar Bin Kamaludin**
Pengarah
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (CIReL)
39. **Encik Abd Rahman Bin Hj Safie**
Pengarah
Pusat Sukan & Kebudayaan
40. **Cik Yong Ying Mei**
Pengarah
Mandarin Language & Culture Centre

41. **YBrs. Dr. Mohd Yuhyi Bin Mohd Tadza**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) CIDB
42. **YBhg. Profesor Madya Dr. Fahmi Bin Samsuri**
Pengarah
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) Agilent
43. **YBhg. Profesor Madya Dr. Syarifah Nur Aqida Binti Syed Ahmad**
Pengurus
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) Automotif
44. **Puan Siti Normaziah Binti Ihsan**
Pengurus
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) ICT
45. **YBrs. Dr. Nina Suhaity Binti Azmi**
Ketua Program
Pusat Kecemerlangan Industri (I-COE) Bioteknologi
46. **Encik Muhammad Hairynizam Bin Muhd Taib**
Pengarah
Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
47. **YBrs. Dr. Zulkifly bin Jemaat**
Pengarah
Pusat Pengurusan dan Perkhidmatan Teknologi
48. **YBrs. Dr. Fadzil bin Mat Yahaya**
Pengarah
Railway Industry Academy (RIA)
49. **YBrs. Dr. Norhilda Binti Abdul Karim**
Ketua
Pusat Kesihatan Universiti

Bahagian/ Unit

50. **Cik Nur'izzati binti Zakaria**
Menjalankan Tugas
Ketua
Bahagian Keselamatan

51. **Encik Asri Bin Haji Zainudin**
Ketua
Unit Pengurusan Risiko
52. **Encik Mohd Akram bin Abdul Razak**
Ketua
Unit Audit Dalam
53. **YBrs. Dr. Fatmawati Binti Latada**
Ketua
Unit Perundingan & Bantuan Staf, Jabatan Pendaftar
54. **YBhg. Datin Sri Hajah Fazia binti Ali**
Pengurus Besar
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
55. **Tuan Haji Wan Abdul Rashid Bin Wan Abdul Rahman**
Pengurus Kanan
Bahagian Pentadbiran UMP Kampus Gambang, Jabatan Pendaftar
56. **Puan Haryani Binti Abdullah**
Pengurus Besar
Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar
57. **Tuan Haji Abdul Shukur bin Ishak**
Pengurus
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta
58. **Encik Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pengurus
Pejabat Naib Canselor
59. **Encik Zainuddin Bin Mat Husin**
Pengurus
Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar
60. **Encik Arman bin A. Rahim**
Pengurus
Bahagian Pemasaran dan Pengambilan Pelajar, Jabatan Pendaftar
61. **Encik Hazmin bin Aris**
Pengurus
Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti

62. Puan Hajah Sabarehan Binti Hj. Ismail

Pengurus

Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar

63. Encik Mohd Raizalhilmy bin Rais

Pengurus

Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 3 TAHUN 2018

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2017 bertarikh 8 Disember 2017 untuk menerima pakai Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan Peraturan 44 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, penentuan gaji permulaan kenaikan pangkat telah dipinda melalui Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) (Pindaan) 2017 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Mei 2017.
- 2.2 Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat telah ditambah baik mengikut kaedah baharu iaitu gaji akhir di gred terdahulu hendaklah ditambah dengan :
 - (i) kadar kenaikan gaji tahunan di gred kenaikan pangkat; atau
 - (ii) kadar kenaikan gaji tahunan terakhir diterima di gred terdahulu, mengikut mana yang lebih tinggi, mulai tarikh kenaikan pangkatnya
- 2.3 Sehubungan dengan itu, Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat berkuat kuasa pada 1 Mei 2017 telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) melalui surat JPA.(S)(K)223/4/4JLD.5(6) bertarikh 5 September 2017 bagi menjelaskan kaedah baharu ini.
- 2.4 Dengan berkuat kuasanya peraturan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2007 – Kaedah Penetapan Gaji Permulaan dan Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2008 – Kaedah Pelarasan Gaji Kenaikan Pangkat Dengan Elaun Pemangkuan adalah dibatalkan.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

Pelaksanaan terperinci boleh dirujuk di **Lampiran A** berkaitan Garis Panduan Pelaksanaan Penetapan Gaji Permulaan Kenaikan Pangkat.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2017.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menurut perintah,



(ABD HAMID BIN MAJID)
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 8 Januari 2018

Edaran kepada :

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-undang

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Salinan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan menjelaskan kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat berikutan berkuat kuasanya Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) (Pindaan) 2017 [M.U.(A)163/2017].

DEFINISI

2. Bagi maksud garis panduan ini :
'Gred terdahulu' bermaksud gred hakiki terakhir pegawai sebelum dinaikkan pangkat; dan

'Gaji akhir' bermaksud gaji yang diterima di gred terdahulu yang akan digunakan untuk tujuan penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat. Gaji akhir ini adalah gaji yang telah mengambil kira Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) pada tahun kenaikan pangkat (meliputi PGT yang telah diawalkan berikutan daripada kenaikan pangkat).

DASAR BAHARU

3. Penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat telah ditambah baik mengikut kaedah baharu iaitu gaji akhir di gred terdahulu hendaklah ditambah dengan :

- (i) kadar kenaikan gaji tahunan di gred kenaikan pangkat¹; atau
 - (ii) kadar kenaikan gaji tahunan terakhir diterima di gred terdahulu², mengikut mana yang lebih tinggi, mulai tarikh kenaikan pangkatnya.
4. Pelaksanaan penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat ini melibatkan pegawai yang **tarikh kenaikan pangkatnya** berkuat kuasa **mulai 1 Mei 2017**.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN KENAIKAN PANGKAT

5. Selaras dengan dasar baharu ini, gaji permulaan bagi seseorang pegawai yang dinaikkan pangkat hendaklah ditetapkan pada amaun gaji yang lebih tinggi daripada amaun gaji akhir di gred terdahulu seperti berikut :
- 5.1 gaji akhir di gred terdahulu hendaklah ditambah dengan :
 - (i) kadar kenaikan gaji tahunan di gred kenaikan pangkat; atau
 - (ii) kadar kenaikan gaji tahunan terakhir diterima di gred terdahulu, mengikut mana yang lebih tinggi, mulai tarikh kenaikan pangkatnya.
 - 5.2 selepas penambahbaikan gaji akhir di gred terdahulu di perenggan 5.1, sekiranya amaun gaji adalah lebih rendah daripada gaji minimum di gred kenaikan pangkat, maka gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai hendaklah ditetapkan pada gaji minimum di gred kenaikan pangkat.
 - 5.3 jika seseorang pegawai dinaikkan pangkat sebelum atau sama dengan tarikh pergerakan gaji pegawai dalam jawatan

terdahulunya, pergerakan gaji jawatan terdahulunya, jika ada, hendaklah diberi terlebih dahulu sebelum menentukan gaji permulaan dalam jawatan kenaikan pangkat.

6. Sekiranya selepas ditetapkan gaji kenaikan pangkat seperti di perenggan 5 di atas, gaji permulaan kenaikan pangkat lebih tinggi daripada gaji maksimum di gred kenaikan pangkat, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan) untuk diwujudkan gaji secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

1 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, mengikut kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang dikira daripada gaji minimum gred kenaikan pangkat.

2 bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, mengikut kadar yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang dikira daripada gaji akhir pegawai (terhad kepada gaji maksimum).

7. Bagi pegawai yang gaji akhirnya di gred terdahulu telah melepasi gaji maksimum, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan permohonan penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Perkhidmatan).
8. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat adalah seperti berikut :

Contoh 1 :

Tarikh Kenaikan Pangkat Lebih Awal Atau Sama Dengan Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) di Gred Terdahulu

Pegawai dinaikkan pangkat pada 12 Mei 2017. TPG di gred terdahulu ialah pada 1 Julai. PGT diawalkan kerana tarikh kenaikan pangkat sebelum TPG.

Penentuan amaun gaji akhir gred terdahulu


1. Pemberian PGT diawalkan di gred terdahulu

$$\boxed{\text{Gaji hakiki sehari sebelum kenaikan pangkat}} + \boxed{\text{Kadar KGT Gred Terdahulu}} = \boxed{\text{Jumlah Gaji Akhir}}$$

2. Pengiraan gaji permulaan kenaikan pangkat

$$\boxed{\text{Jumlah Gaji Akhir}} + \boxed{\text{Kadar KGT Gred Naik Pangkat atau KGT Gred Terdahulu, mana lebih tinggi}} = \boxed{\text{Jumlah Gaji Naik Pangkat}}$$

Simulasi : Dengan andaian kadar KGT gred naik pangkat lebih tinggi dari kadar KGT gred terdahulu



Contoh 2 :


Tarikh Kenaikan Pangkat Selepas TPG di Gred Terdahulu

Pegawai telah dinaikkan pangkat pada 22 Jun 2017. TPG di gred terdahulu ialah pada 1 Januari. Tiada PGT diawalkan kerana tarikh naik pangkat selepas TPG.

1. Pengiraan gaji permulaan kenaikan pangkat

$$\text{Gaji akhir sehari sebelum kenaikan pangkat} + \text{Kadar KGT Gred Naik Pangkat atau KGT Gred Terdahulu, mana lebih tinggi} = \text{Jumlah Gaji Naik Pangkat}$$

Simulasi : Dengan andaian kadar KGT gred terdahulu lebih tinggi dari kadar KGT gred naik pangkat.



PELARASAN GAJI KENAIKAN PANGKAT DENGAN ELAUN PEMANGKUAN

9. Pemakluman mengenai kelulusan kenaikan pangkat adalah dibuat melalui surat penyiaran kenaikan pangkat oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat yang berkenaan. Oleh itu, bayaran elaun pemangkuan bagi pegawai yang memangku **hendaklah dihentikan mulai daripada tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat.**

10. Kaedah pelarasan gaji kenaikan pangkat dengan elaun pemangkuan adalah seperti di Lampiran A. Elaun pemangkuan yang dibayar kepada pegawai selepas daripada tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat hendaklah dikutip balik.

11. Bagi apa-apa pelarasan gaji kenaikan pangkat dengan elaun pemangkuan, jika ada terdapat perbezaan negatif iaitu jumlah pelarasan gaji kenaikan pangkat kurang daripada jumlah elaun pemangkuan yang telah dibayar bagi tempoh mulai tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat sehingga tarikh surat penyiaran kenaikan pangkat, perbezaan tersebut jika ada, tidak perlu dikutip balik daripada pegawai berkenaan. Manakala jika ada perbezaan yang positif, iaitu jumlah pelarasan gaji kenaikan pangkat melebihi daripada jumlah elaun pemangkuan, Jabatan hendaklah membayar perbezaan tersebut kepada pegawai.

TARIKH KUAT KUASA

12. Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 Mei 2017.